

BAB II

KERANGKA TEORETIK

A. PENDAHULUAN

Kebangkitan semula Islam terutama dalam dunia pendidikan menjadi topik yang sangat diperbincangkan sejajar dengan semaraknya reislamisasi ilmu pengetahuan di kalangan intelektual Muslim seperti Profesor Dr. Ismail R. Faruqi (1921), Profesor Dr. Syed Naquib Al Attas (1931) dan yang lain-lainnya. Timbul beberapa tulisan ilmiah sangat membicarakan tentang Islamisasi ilmu pengetahuan dan hingga terealisasinya beberapa institusi pengajian tinggi seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia-UIAM (1983), Universiti Islam Antarabangsa Pakistan, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam-ISTAC (1987 di dalam UIAM, kemudian memisahkan diri dari UIAM dan berdiri sendiri pada tahun 1991) dan beberapa Institusi lain di luar negara yang konotasinya mendaulatkan Islamisasi ilmu pengetahuan.

Sentuhan baru dalam dunia pendidikan dengan langkah memperkenalkan Tamadun Islam di setiap peringkat pendidikan baik dari peringkat rendah hingga ke pusat pengajian tinggi membawa erti besar dalam mencapai matlamat dan tujuan di atas. Ke arah pemahaman tentang Tamadun Islam ini tidak hanya ditujukan kepada pelajar Islam saja malah kepada non Muslim juga. Ini bertujuan untuk memberikan kefahaman dan keyakinan serta membuktikan Islam

mengajukan prinsip-prinsip universal yang berlaku setiap masa dan tempat. Dan tujuan akhir ialah menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan manusia sejagat.¹

Pertama kali, penulis menyorotkan perkara-perkara yang berhubungan dengan pendidikan sebagai sebuah institusi sosial, dalam sebuah usaha sebagai tapak transformasi ilmu pengetahuan kepada individu. Institusi pendidikan memainkan peranan yang signifikan sekali dalam pembentukan budaya ilmu dalam masyarakat. Di sinilah letaknya kekuatan intelektual setelah ditanamkan budaya tersebut. Pendekatan adalah salah satu elemen terpenting dalam pendidikan. Konsep bagaimana menerangkan dan seterusnya memahami apa yang dipelajari merupakan faktor utama ilmu pengetahuan dapat berkembang dan tidak bersifat kaku (statik).

Setelah itu, dibahas pengertian Tamadun dari pelbagai perspektif dan juga hubungan Tamadun dengan kata-kata yang berkait rapat dari segi pemahaman konsep seperti kata kebudayaan dan peradaban. Mungkin saja memberikan pengertian yang sama tapi pada ruang lingkupnya berbeza.

¹ Mustaffa hij. Daud, *Tamadun Islam*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd., 1996, ed 4), hal 1

Apabila membahas dunia pendidikan, ia berkait rapat dengan sosio masyarakat. Penulis turut melihat konsep sosiologis seperti masyarakat dan perubahannya, mobiliti sosial, kelas sosial dan lingkungan (persekitaran). Kajian penulisan ini lebih menumpukan pendekatan sosiologi pendidikan.

B. Konsep dan Budaya Ilmu

1. Konsep Ilmu

Konsep ilmu kalau dilihat secara umum yang mengambil pendapat Hashim Musa ditakrifkan sebagai suatu keadaan dan sifat mengetahui, mengenali, mengecami, mengingati, mengerti dan memahami sesuatu perkara dan juga sebagai jumlah himpunan daripada apa yang diketahui, ditemui dan ditanggapi. Kedudukan ilmu dalam Islam amat tinggi sehingga Naquib Al Attas(1931) mengatakan terdapat 800 ayat al Quran yang membahas tentang ilmu ini.²

Ilmu pengetahuan ditinjau daripada kalangan intelektual Muslim, mereka memberikan beberapa konsep yang berakar umbi dari satu makna tapi berbeza dari segi sudut pandangnya saja. Kalau menurut Al Ghazali (1058M-1111M) bahawa ilmu dalam sudut pandang beliau mengalami tahap evolusi di mana terdapat tiga fasa. Fasa pertama yang melihat ilmu itu dari perspektif falsafah. Dalam fasa ini beliau

² Syed Muhammad Naquib Al Attas, *Islam : Faham Agama dan Asas Akhlak*, (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1977) hal 57

membahagikan kepada dua iaitu teori dan praktikal. Teori ini hampir bersamaan dengan teori yang diungkapkan ahli falsafah lain seperti Al Kindi dan Al Farabi.³ Fasa kedua, beliau melihat ilmu dari segi jiwa iaitu ilmu terbahagi kepada dua juga iaitu ilmu Mukasyafah (lebih bermaksud teoretikal) dan ilmu Muamalah (praktikal). Pembahagian fasa kedua ini dapat dilihat dalam kitab *Ihya Ulumuddin* yang menurut Hasan Langulung (1986) sebagai fasa kematangan intelektual Imam Ghazali(1058M-1111M). Manakala fasa ketiga masih dilihat dari perspektif jiwa dalam pengertian bahawa fasa kedua dan ketiga adalah sama tapi yang membezakan hanya istilah. Menurut beliau, pada fasa ketiga ini, terpecah kepada dua iaitu ilmu Syariyyah dan ilmu Aqliah.⁴

Menurut Ibn Khaldun(1332M-1382M)⁵ ilmu itu terbahagi kepada dua iaitu ilmu Naqli (Wahyu) dan Ilmu Aqli. Ini menunjukkan kesamaan dengan pengertian ilmu menurut Al Ghazali(1058M-1111M). Kalau melihat pendapat Prof. Dr. Muhammad Naquib Al Attas (1931), beliau turut membahagikan ilmu kepada dua iaitu pertama *Ilm* yang mempunyai dua kriteria iaitu sebagai *Tanzil* iaitu manusia yang dipilih saja dapat menerima ilmu ini sesuai dengan ibadah dan keikhlasan dan terbukalah hijab membatasi selama ini, baik ruang maupun waktu. Kriteria yang kedua ialah yang mengarah kepada petunjuk Allah SWT

³ Hasan Langulung, *Pengenalan Tamadun Islam dalam Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), hal. 15

⁴ *Ibid.*, Hasan Langulung, hal. 16-17

⁵ Untuk melihat lebih mendalam tentang Ibn Khaldun dan karyanya serta perjalanan hidupnya sila lihatkarya M.A. Enan, *Ibn Khaldun His Life and Work*, (Lahore: Kashmiri Bazar, 1975).

kepada manusia dalam memahami diri, alam dan kuasa mutlak Tuhan. Dan yang kedua *Ulum* (yang difaham sebagai ilmu pengetahuan) yang memberikan pengertian tentang ilmu pengetahuan yang harus dicari oleh manusia untuk kelangsungan hidup secara individu mahu pun bermasyarakat.⁶

Hal yang menjadi signifikan dunia Barat dan Islam dalam kajian terhadap ilmu adalah konsep kebenaran dalam ilmu. Bagi barat, kebenaran ilmu adalah bersifat relatif dan berkembang sesuai dengan perkembangan zaman. Terkadang mengacu kepada tidak relevan sesebuah kebenaran yang dahulu dianggap benar. Kebenaran sesebuah ilmu itu, tatkala memenuhi syarat ilmu pengetahuan iaitu boleh diinderakan, diterima akal, dapat dieksperimentasikan dan boleh diuji kebenarannya. Hal yang bersifat metafizika dianggap tidak memenuhi syarat tersebut. Menurut Imanuel Kant (1724M-1804M) yang dipetik pendapatnya oleh S.M Iqbal (1968)⁷ bahawa beliau tidak mempercayai metafizika kerana tidak dapat didasari hal yang bersifat logik dan akal belum mampu mengakui eksistensi metafizika. Berlainan dari sudut Islam mengakui keberadaan metafizika dalam upaya memahami bahawa terdapat kekuatan yang bersifat Hak Mutlak iaitu Allah SWT. Barat menolak sepenuhnya sebarang pernyataan dari kitab

⁶ Syed Muhammad Naquib Al Attas, *Op. Cit.*, hal 57-60

⁷ Karya aslinya berjudul *Tajdid Al Tafsir Al Dinni Al Islami*, yang diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia yang bertajuk Pembangunan Kembali Pemikiran Ummat Islam.

suci agama (Al Quran, Bibel, Taurat dan lain-lain) dalam melihat kebenaran ilmu yang dikatakan sebagai mutlak fizikal.

2. Budaya Ilmu

Nilai ilmu telah digambarkan dalam Al Quran ketika wahyu pertama kali diturunkan kepada Rasulullah SAW. Dengan dimulai dengan kata "Bacalah"⁸ maka menunjukkan eksistensi ilmu memang menjadi tuntutan utama dalam setiap individu. Kunci untuk mendapatkan ilmu pengetahuan adalah dengan pembacaan.

Dalam sebuah masyarakat yang berkembang budaya ilmu (apa yang berhubungan dengan budaya membaca) menjadi tujuan utama dalam pendidikan. Sejarah membuktikan bahawa Yunani telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang ilmu pengetahuan. Maķa bangsa Yunani disegani oleh setiap lapisan bangsa. Kekuatan utama mereka bukanlah pada kekuatan militer tapi kekuatan akan melalui sinar ilmu pengetahuan. Kalau melihat di Jerman , ilmu falsafah telah berkembang pesat di sana sehingga mampu mempengaruhi dunia falsafah sehingga sekarang ini.⁹

Definisi budaya ilmu menurut Dr. Wan Mohammad ialah kewujudan satu keadaan di mana setiap lapisan masyarakat melibatkan diri baik secara langsung atau tidak dengan kegiatan

⁸ Al Quran Al Karim, Surrah Al Alaq, ayat I

keilmuan di setiap kesempatan dan keadaan yang nantinya semua kegiatan kehidupan sehari-hari berdasarkan ilmu pengetahuan.¹⁰ Kalau menurut Mok Soon Seng, budaya ilmu adalah himpunan dua definisi antara ilmu dan budaya yang membentuk satu definisi tersendiri iaitu segala aktiviti ilmu pengetahuan yang dilaksanakan oleh setiap ahli dalam masyarakat dan diterima sebagai nilai tara utama dalam amalan kehidupan mereka.¹¹

Menurut beliau bahawa budaya ilmu boleh dijalankan dalam enam bidang iaitu:

- i. Budaya membaca: sentiasa ada minat membaca dalam usaha untuk menambah ilmu pengetahuan serta mengembangkan daya fikir (kreativiti-pen).
- ii. Budaya berfikir: iaitu sentiasa berusaha meningkatkan dan memperkayakan pemikiran melalui beberapa proses iaitu analisis, sintesis dan kritis.
- iii. Budaya belajar: sentiasa berusaha menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran belajar dalam pelbagai proses pembelajaran.

⁹ Abu Bakar Nordin, Ed., *Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi Cabaran*, (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1994), hal. 89

¹⁰ *Ibid*, Abu Bakar Nordin, Ed., hal. 90

¹¹ Mok Soon Seng, *Pendidikan di Malaysia: Untuk Diploma Perguruan*, (Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., 1996, Ed. 6), hal. 162

- iv. Budaya berkarya: sentiasa berusaha menyumbang idea melalui tulisan maupun lisan dalam menyebarkan ilmu pengetahuan kepada seluruh individu masyarakat.
- v. Bermesyuarat: iaitu dalam pengurusan dan proses membuat hal tentang pendidikan dijalankan dengan cara bermuafakat atau bermesyuarat dengan sesama individu intelektual dalam bentuk berkumpulan.
- vi. Refleksi: iaitu proses penilaian kendiri, menimbaangkan hasil *input* dari kajian kes pendidikan dengan tujuan untuk menyedari kekuatan dan kelemahannya, dan berupaya mencari jalan untuk mengatasi kelemahan.¹²

Menurut Kamarudin Hj. Husin, budaya ilmu merupakan sebuah usaha untuk memupuk semangat cintakan ilmu dengan jalan membaca, berwacana, berbincang, berfikir, berkarya dan seumpamanya. Budaya ilmu ini bukan hanya di institusi rasmi saja malah budaya ilmu ini membentuk individu berbudaya ilmu sepanjang hayatnya.¹³

Budaya ilmu belum mampu berdiri sendiri tanpa ada partisipasi kolektif (kerjasama semua pihak) dari masyarakat. Kemampuan ini harus dipadukan dalam budaya kerja yang mampu mendorong individu-

¹² *Ibid.*, hal. 162

individu untuk terpacu terus dalam mengejar konsep budaya ilmu. Boleh dikatakan budaya ilmu dan budaya kerja berjalan seiringan. Kalau dilihat dari perspektif fungsionalis dalam kajian Antropologi mahupun Sosiologi, sikap kolektif berlaku untuk sesuatu perkara dalam masyarakat yang difikirkan baik oleh semua pihak dan dilegitimasikan dalam kehidupan masyarakat. Mengambil pendapat Hazil Abdul Hamid, yang memetik pendapat Kaplan dan Mannens dalam *Theoretical Orientations* yang menyebut:

"Fungsionalisme sebagai satu perspektif teoretikal dalam antropologi yang membawa kepada perbandingan yang organik iaitu, ia membawa seseorang itu memikirkan sistem-sistem sosiobudaya yang mana mereka terdiri daripada satu jenis organisme di mana bahagian-bahagian mereka bukan saja dikaitkan satu sama lain, malahan pada masa yang sama, menyumbang kepada mengekalkan kestabilan dan kehidupan organisma"¹⁴

C. Metodologi Pendidikan/Pengajaran (Pedagogi)

Dalam dunia pendidikan, salah satu hal yang terpenting adalah Pedagogi. Ia merupakan alat untuk menyampaikan sesuatu maklumat tentang ilmu pengetahuan yang lebih efektif dan berstruktur. Bahkan ia dianggap sebagai seni mengajar. Sejajar dengan dunia saintifik yang bersentuhan dengan ilmu humaniora menyebabkan timbulnya proses perubahan yang berskala evolusi terhadap pemahaman tentang

¹³ Kamaruddin Hj. Husin, *Dinamika Sekolah dan Bilik Darjah*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication& Distributor Sdn. Bhd., 1994), hal. 70-71

¹⁴ Hazil Abdul Hamid, *Sosiologi Pendidikan dalam Perspektif Pembangunan Negara*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), hal. 160

konsep pedagogi. Ruang lingkup pedagogi bertambah luas dengan nilai tambah yang diciptakan oleh kajian yang bersifat ilmiah yang mempengaruhi mekanisme dunia pendidikan yang akhirnya nanti makna daripada pedagogi bertambah luas dan dinamis sesuai dengan perkembangan kontemporari dan tempat. Hasil daripada corak ilmiah yang dilontarkan oleh kajian saintifik terhadap perkembangan evolusi ilmu pendidikan ini, Pedagogi diklasifikasikan sebagai seni mengajar yang bercorak saintifik.¹⁵

Pemahaman terhadap pedagogi bagi masa sekarang amat luas maknanya tetapi ia tetap ada kaitan dengan dunia pendidikan. Mok Soon Seng dalam bukunya *Asas Pedagogi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran* mengatakan bahawa kajian historis menunjukkan kata pedagogi itu berasal dari asal kata *pedagogue* yang bermaksud seorang tutor atau pendidik yang mempunyai bakat dan berkebolehan melaksanakan tugas-tugas pengajaran secara berkesan, khasnya dalam bidang perkembangan kanak-kanak atas bidang kognitif, psikomotor dan afektif mereka.¹⁶ Perkataan Pedagogi yang ditulis dengan *pedagogue* dalam kamus Dwi Bahasa Oxford-Fajar, bermakna ahli pendidikan.¹⁷ Mok Soon Seng memberikan definisi iaitu salah satu bidang ilmu pendidikan yang berkaitan dengan kajian secara saintifik

¹⁵ Asmah Hj. Ahmad, *Pedagogi I*, (Kuala Lumpur :Longmann Malaysia, 1989), hal. 1

¹⁶ Mok Soon Seng, *Asas Pedagogi Dalam Pengajaran-Pembelajaran* (Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., 1993) hal.. i

atas prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah mengajar, merangkumi proses pengajaran yang optimum.¹⁸

Sebelum pedagogi ini lebih banyak dititikberatkan kepada ilmu pendidikan ia sering juga dikaitkan dengan perkembangan manusia dalam kehidupan seharian sebagaimana seorang ahli akademik Swedish mengatakan:

*"Pedagogy as a discipline extends to the consideration of the development of health and bodily fitness, social and moral welfare, ethics and aesthetics, as well as to the institutional forms that serve to facilitate society's and the individual's pedagogic aims"*¹⁹

Bahkan di Perancis, sebuah negara yang terkenal dengan pemikiran terhadap pedagogi ini semenjak tahun 1883, Direktur *Institut National de Recherche Pedagogique* (Institut Penyelidikan Pedagogi-Pen) menjelaskan bahawa terdapat perubahan konotasi dan penekanannya (pedagogi).²⁰ Ini bermakna permasalahan tentang makna Pedagogi ini bersifat relatif, selagi mana ia berhubungan dengan perkembangan intelektual manusia. Bagi mazhab di Inggeris lebih menyesuaikan Pedagogi ini kepada dunia pendidikan iaitu apa yang diistilahkan sebagai "*the Science of Teaching*".

¹⁷ Joyce M. Hankins, *Kamus Dwi Bahasa Oxford Fajar*, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1991), hal. 278

¹⁸ Mok Soon Seng, *Pedagogi I. Kurikulum dan Pengurusan Bilik Darjah*, (Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman, 1996), hal. vi

¹⁹ Peter Mortimore., Ed., *Understanding Pedagogy and its Impact on Learning*, (London: Paul Chapman Publishing Ltd., 1999), hal. 2

Oleh kerana pemahaman tentang konsep pedagogi ini terlalu luas, penulisan ini hanya melihat tentang beberapa kajian yang berhubungan dengan metodologi pendidikan. Antara kajian yang berkaitan ialah pendekatan, kaedah, teknik, strategi dan aktiviti. Elemen-elemen ini amat penting dalam dunia pendidikan. Walaupun terdapat perbezaan pemahaman tentang lima elemen di atas namun ia mempunyai keterkaitan antara satu sama lain sehingga menampakkan ikatan dukungan yang kukuh sehingga sukar untuk memisahkan antara satu sama lain. Ini disebabkan oleh gerak kerja serta mekanismenya memerlukan partisipasi kolektif kelima-lima elemen di atas.

Konsep pendekatan sebagaimana yang digambarkan oleh Mok Soon Seng dan Ee Ah Meng ialah cara mendekati sesuatu dalam mencapai objektif jangka panjang di dalam sesuatu mata pelajaran.²¹ Mok Soon Seng dalam memetik pendapat Edward M. Anthony tentang konsep pendekatan iaitu satu set andaian yang saling berkait dengan proses pengajaran dan pembelajaran serta mempunyai aksiomatik. Terdapat dua rumusan telah dibuat iaitu pertama pendekatan yang berlandaskan kepada model, prinsip atau teori pembelajaran, kedua

²⁰ Ibid.

²¹ Ee Ah Meng, *Pedagogi II-Amalan Dalam Bilik Darjah*, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1993), hal 1, sila lihat Mook Song Seng dalam Asas Pedagogi I

pendekatan adalah aksiomatik iaitu kenyataannya dianggap benar tanpa memerlukan sebarang bukti dan alasan.²²

Ee Ah Meng dalam melihat konsep pendekatan ini bersandarkan kepada beberapa teori yang berkaitan dengan sifat semula jadi pelajar dan cara bagaimana hendak mencapai pembelajaran yang maksimum dan akhirnya nanti menjadi pegangan dalam satu-satu pengajaran.²³ Beliau memberikan beberapa ciri pendekatan tersebut iaitu:

- i. Objektif-objektif yang hendak dicapai adalah bentuk jangka panjang
- ii. Ia berasaskan model atau teori pengajaran atau pembelajaran
- iii. Ia biasanya merangkumi strategi, kaedah dan teknik yang akan digunakan dalam satu-satu penyampaian
- iv. Ia bersifat aksiomatik iaitu diterima tanpa apa-apa keraguan
- v. Ia biasanya mencerminkan satu-satu falsafah²⁴

Pendekatan pengajaran bagi Ee Ah Meng boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu cara pengelolaan dan cara penyampaian. Bagi golongan cara pengelolaan iaitu pengajaran berpasukan, pengajaran bercantum, pengajaran Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), pengajaran terancang, pengajaran Audio Video, pengajaran

²² *Ibid.*, hal. 2

²³ Ee Ah Meng, *Op. Cit.*, hal. 4

²⁴ *Ibid.*, hal. 5

berkumpulan dan pengajaran perseorangan. Manakala yang tergolong kepada cara penyampaian isi ialah pendekatan induktif, pendekatan deduktif, pendekatan yang mulai senang ke susah dan pendekatan yang mulai konkrit ke abstrak.²⁵

Konsep kaedah melihat kepada satu siri tindakan guru yang sistematik dengan tujuan mencapai objektif pelajaran spesifik dalam jangka pendek atau dengan kata lain suatu cara mendekati sesuatu objektif pelajaran dengan langkah-langkah penyampaian yang tersusun.²⁶ Manakala Ee Ah Meng menambah dengan kata membawa implikasi penyusunan iaitu dengan langkah-langkah tersusun atau teratur.²⁷ Maka timbul hubungan antara konsep pendekatan dan konsep kaedah. Dalam pendidikan harus menggunakan satu pendekatan disertakan bersama penggunaan beberapa kaedah. Sebagaimana pendekatan induktif yang disertai dengan kaedah dapatan²⁸, sokratik²⁹, projek³⁰ dan ³¹ penyelesaian masalah.³²

²⁵ Ee Ah Meng, *Pedagogi Untuk Bakal Guru*, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1987), hal. 130

²⁶ Mok Soon Seng, *Loc. Cit.*, hal 2

²⁷ Ee Ah Meng, *Pedagogi II, Amalan Dalam Bilik Darjah*, *Op. Cit.*, hal 5

²⁸ kaedah ini juga dikenali sebagai kaedah Heuristik (mengetahui). Maka pelajar akan membuat beberapa pemerhatian, percubaan dan ujian

²⁹ kaedah ini dinamakan kaedah sokratik kerana sempena mengambil nama tokoh pengasasnya iaitu Socrates(477-399 s.m). Kaedah ini menggalakkan para pelajar dalam melakukan upaya aktif untuk mencari jawapan tersendiri dengan persoalan yang ditimbulkan oleh mereka sendiri. Kemudian para pengajar akan memberi resolusi atau *way out* daripada persoalan tersebut.

³⁰ Pengasas kepada kaedah ini ialah John Dewey yang mengatakan terdapat pada peringkat usia kanak-kanak timbul keinginan ingin tahu dan cuba membuat berdasarkan kecenderungan yang dimiliki. Maka para pelajar diberi beban tugas dalam membuat sesuatu tugas yang mana memerlukan tindakan proaktif daripada para pelajar yang dibantu oleh guru yang terbabit.

³¹ Kaedah ini cenderung kepada proses saintifik yang harus mendarisbawahi beberapa hal iaitu mengenal masalah, mencari maklumat, membuat hipotesis, menguji hipotesis dan menilai serta

Apa yang harus diperhatikan adalah kaedah yang digunakan harus melihat beberapa faktor seperti:

- i. Minat
- ii. Kebolehan
- iii. Umur
- iv. Latar belakang murid
- v. Bahan bantu mengajar yang mencukupi³³

Terdapat pelbagai permasalahan yang timbul ketika seseorang pengajar yang baru dalam terlibat dalam dunia pendidikan. Antara masalah yang sering dihadapi sebagaimana yang tersenarai di bawah ini:

- i. Kurang atau tiada pendedahan secukupnya kepada semua kaedah dan teknik pengajaran dalam kursus-kursus latihan perguruan kerana batasan masa
- ii. Terdapat pelbagai nama yang pada hakikatnya bermaksud satu kaedah pengajaran yang sama
- iii. Tidak dapat menggunakan suatu kaedah secara berkesan kerana kurang pengetahuan tentang rasional pemilihan dan teknik kaedah berkenaan

membuat rumusan. Tunjuk ajar daripada pengajar yang terlibat dalam proses ini diperlukan, bagi memastikan mekanisme berjalan lancar.

³² Ee Ah Meng, *Pedagogi II Amalan Dalam Bilik Darjah*, Loc. Cit., hal 5

³³ Ee Ah Seng, *Pedagogi Untuk Bakal Guru*, Op. Cit., hal 152

- iv. Tidak terdapat buku teks atau rujukan yang khusus membincangkan semua kaedah pengajaran yang boleh digunakan dalam bilik darjah
- v. Wujudnya salah tanggapan antara kaedah dengan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)³⁴

Manakala konsep teknik bermaksud sebagai kemahiran guru dalam pengelolaan dan pelaksanaan kaedah mengajar (aplikasi-pen) dalam suatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sebagaimana pandangan yang dipetik oleh Mok Soon Seng daripada Edward M. Anthony (1922) tentang konsep teknik mengajar yang bersandarkan kepada satu muslihat atau strategi atau satu teknik yang digunakan oleh pegajar dengan tujuan untuk mencapai objektif pelajaran yang optimum. Antara bentuk teknik tersebut ialah teknik naratif, diskusi, simulasi, hafalan dan sebagainya.³⁵

Mok Soon Seng merangka beberapa asas kemahiran dengan teknik pengajaran yang harus diambil kira iaitu:

- i. Pengetahuan- Latih tubi dan hafalan
- ii. Kefahaman- Syarah
- iii. Aplikasi- Tunjuk Cara (Demonstrasi)
- iv. Analisis- Penyoalan

³⁴ Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib, *Pengajaran Dalam Bilik Darjah Kaedah dan Strategi*, (Kajang: Masa Enterprise, 1995), hal 1-2

- v. Sintesis- Perbincangan (Diskusi)
- vi. Penilaian- Sumbang Saran.³⁶

Kesesuaian terhadap teknik yang betul adalah amat penting untuk mencapai objektif pengajaran. Para pengajar harus mencari teknik yang terbaik berdasarkan kepada latar belakang murid, BBM dan peringkat umur para pelajar. Dalam keadaan yang tertentu para pengajar tidak boleh terfokus kepada satu-satu teknik saja tapi bahkan boleh meragamkan beberapa teknik di dalam sesuatu penyampaian pengajaran (multi teknik-pen).³⁷

Konsep strategi bermaksud kebijaksanaan memilih satu pendekatan serta kecekapan merancang kaedah dan teknik untuk mencapai objektif-objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Dalam hal ini Ee Ah Meng menyusun beberapa faktor yang harus diambil kira iaitu:

- i. Kaedah dan teknik harus digunakan
- ii. Alat bantu mengajar yang terdapat di sekolah atau yang dapat disediakan
- iii. Pengetahuan sedia ada pelajar
- iv. Kebolehan dan minat pelajar
- v. Kepakaran guru menggunakan alat-alat yang diperlukan

³⁵ Mok Soon Seng, *Op. Cit.*, hal. 3

³⁶ *Ibid.*, hal. 4

³⁷ Ee Ah Seng, *Pedagogi untuk Bakal Guru*, *Op. Cit.*, hal. 171-172

vi. Kawalan kelas ketika menggunakan satu-satu strategi³⁸

Strategi tidak akan berkesan jika tidak melihat kepada unsur pendukung iaitu teori pembelajaran, pendekatan, kaedah dan teknik mengajar.³⁹

Bagi menjamin pemilihan strategi yang baik, beberapa kriteria yang digaris oleh Ee Ah Meng iaitu:

- i. Kesediaan- Ia menjadi teras kepada penerimaan para pelajar. Jadi tahap kesediaan para pelajar harus dinilai daripada aspek fizikal, latar belakang, minat, pengetahuan yang sedia ada dan lain-lain. Maka pengajaran harus mengambil kira kepada tahap majoriti para pelajar yang menerima. Ia diawali dengan membuat penilaian tahap intelektual dalam kelas dan para pengajar harus mengambil jalan tengah dalam upaya untuk memberikan gambaran yang seimbang kepada tahap pemikiran para pelajar. Ini supaya tidak menimbulkan beban intelektual kepada beberapa pelajar yang mungkin menghadapi beberapa masalah yang berkaitan

³⁸ Ee Ah Meng, *Op. Cit.*, hal. 7

³⁹ Mok Soon Seng, *Op. Cit.*, hal. 5

- ii. Strategi Aplikasi Pembelajaran- Para pelajar yang menerima setiap pengajaran yang dilakukan dalam kelas dapat memberikan penilaian terhadap sesuatu nilai pengajaran yang diajar dan kemudian mampu diterjemahkan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Paling tidak dapat memikirkan dalam analisis intelektual internal dalam pemikiran mereka. Sebetulnya ini membantu proses pemahaman yang berkesan dan ideal untuk para pelajar. Para pengajar harus mampu melakukan transformasi pengajaran yang diajarkan kepada para pelajar dengan dibantu beberapa kaedah yang telah disebut di atas
- iii. Strategi Motivasi- Motivasi yang positif dengan daya penekanan yang tinggi dapat membantu para pelajar dalam mencapai objektif pendidikan yang ditawarkan. Maka setiap pengajaran harus diwarnai dengan aktiviti yang menarik, mencabar dan bermakna. Motivasi yang berkesan dan efektif ialah dengan cara mengenal pasti keinginan, masalah dan penekanan para pelajar dan mencari jalan keluar yang terbaik⁴⁰
- iv. Strategi Mengelakkan Ingatan- Para pengajar harus mencari strategi yang terbaik dalam memberikan pengajaran dan mencari teknik yang sesuai untuk memudahkan para pelajar

⁴⁰ C. M Shipley dkk, *A Synthesis of Teaching Methods*, (Canada: John Deyell Ltd., 1964), hal. 21

- supaya dapat mengekalkan ingatan mereka terhadap sesuatu pengajaran
- v. Strategi Peningkatan Pengamatan dan Penanggapan- Hal seperti ini harus melibatkan proaktif para pelajar terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan supaya tahap observasi mereka berjalan secara normatif dalam daya tindakan individu masing-masing. Maka keterlibatan para pengajar hanya sekadar untuk menunjuk ajar mekanisma yang diinginkan oleh setiap aktiviti
- vi. Strategi Menggalakkan Pemikiran- bagi tahap menengah harus ditimbulkan kepada para pelajar supaya menimbulkan daya pemikiran yang tajam dan dinamis. Strategi pengajaran yang berbentuk sumbang saran, simulasi, penemuan dan penyelesaian masalah dapat membentuk pemikiran yang kritis dan analitis
- vii. Strategi Pemupukan Nilai dan Sikap Yang Positif- Penanaman sikap dan nilai-nilai yang positif dan membantu proses pengajaran yang berkesan. Aktiviti-aktiviti tidak hanya bersifat ekslusif di kelas saja malah di luar kelas. Timbul proses adaptasi secara semula jadi yang dapat memberikan pemikiran yang mudah dan praktis tanpa tunjuk ajar secara langsung⁴¹

⁴¹ Ee Ah Meng, *Pedagogi Satu pendekatan Bersepadu*, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1992), hal. 226-230


viii. Strategi Mempelbagai Kaedah- para pengajar tidak sepatut hanya menggunakan satu kaedah saja dalam pembelajaran. Adalah lebih baik membuat pelbagai kaedah dalam membuat sistem pengajaran yang lebih afektif.⁴²

Manakala konsep yang terakhir ialah aktiviti iaitu gerak kerja yang dijalankan oleh pengajar dan pelajar untuk mencapai objektif pelajaran. Ia boleh dianggap aplikasi atau tindakan yang dibuat sesuai dengan keempat-empat konsep yang di atas. Maka dua elemen iaitu pengajar dan pelajar harus melakukan partisipasi kolektif untuk mencapai tujuan objektif pelajaran. Pengajar bebas memilih untuk menggunakan sebarang aktiviti yang dirasakan sesuai dan mempunyai korelasi terhadap sesuatu pengajaran.⁴³

Kelima- lima konsep ini terikat dalam suatu rangkaian yang tidak boleh dipisah antara satu sama lain. Dalam proses pengajaran, hal di atas tidak boleh dibiarkan begitu saja kerana metode berfikir secara intuisi tidak banyak membantu apalagi ia tidak terstruktur dengan mekanisme yang betul. Ini kerana tahap kematangan seseorang pengajar adalah relatif tidak sama di antara satu sama lain. Maka ikatan kelima-lima konsep terikat dalam bulatan yang saling mengisi sebagaimana yang digambarkan oleh Ee Ah Meng.

⁴² C. M Shipley dkk., *Loc. Cit.*, hal 21

⁴³ *Ibid.*



Gambar rajah 2.1 : Gambar rajah yang menunjukkan ikatan kelima-lima konsep yang terkait.

D. TAMADUN ISLAM

Tamadun sering berhubungan dua kata lain iaitu peradaban dan kebudayaan. Maka kalau melihat kata kebudayaan, menurut TM Usman El Muhammady, ia terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu:

- i. Kebudayaan sopan santun: keadaan tatanegara dan kebiasaan kebangsaan

- ii. Kebudayaan fikiran: iaitu bahasa, kesusasteraan, pelajaran/ fikiran (dengan membimbing peradaban)
- iii. Kebudayaan kesenian: Pertanian, industri, perdagangan, pelajaran, pengangkutan, perikanan dan penternakan⁴⁴

Menurut beliau, pengertian kebudayaan dalam proses memberikan maksud budi iaitu:

- i. Budi yang bermaksud semangat, kekuatan dan kesusilaan.
- ii. Budi yang memberikan maksud fikiran atau akal yang berhubungan dengan hal-hal yang mengenali cara berfikir⁴⁵

El Muhammady banyak mengambil beberapa pendapat pakar tentang makna kebudayaan ini. Antaranya ialah:⁴⁶

Teori Mr. Sutan Takdir Alsjahbana (1908M-1998M): "Kebudayaan- Penjelmaan tjara berpikir dari sekumpulan manusia pada suatu tempat dan suatu ruang".⁴⁷

⁴⁴ TM Usman EL Muhammady, *Pembangunan Djawa- Negara dan Kebudayaan Islam, Kultur, Politis dan Sociologis*, (Djakarta: Pustaka "Agus Salim", TT), hal 84-85

⁴⁵ Ibid.

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ Ibid., hal. 87

Manakala teori Sunarto Kolopaking semasa Kongres Kebudayaan Indonesia Pertama pada tarikh 20-24 Ogos 1928 di Magelang ialah:

"Kebudajaan atau Cultuur adalah totaliteit daripada milik dan hasil usaha (prestatie) manusia yang ditjiptakan oleh kekuatan-kekuatan djiwanya dan oleh proces saling mempengaruhi antara kekuatan djiwa-djiwa tadi dan antara djiwa manusia jang satu dan djiwa jang lain"⁴⁸

Teori Ki Mangunsarkoro pada kongres yang sama:

"Jang disebut kebudajaan (*Cultuur*) adalah segala seseuatu jang merupakan (bersifat) hasil kerdja jiwa manusia dalam arti seluas-luasnya"

Teori Zoetmulder (1906)- Seorang Guru Besar Falsafah Timur dan Mahaguru dalam bahasa Jawa Kuno di Universitas Gadjah Mada yang mengambil pendapat daripada dari buku "*Cultuur Oosten West*":

"Kebudajaan ialah perkembangan dari negara kemungkinan-kemungkinan dan tenaga alam, istimewa alam manusia sendiri dengan seimbang dan teratur, perkembangan mana diusahakan oleh manusia sendiri (*Cultuur is de door de kedelijkke mens gleide ontwikkeling van mogelikheden en krachten der natuur, vooral der Menselijke Natuur, zodat ze gen harmonisch geheel vormen*)"⁴⁹

Teori Dawson- dalam buku *Age of The Gods* iaitu

"Kebudajaan ialah tjara hidup bersama (*Culture is a common way of life*).

⁴⁸ *Ibid.*, hal. 88

⁴⁹ *Ibid.*

Teori J. Van Baal dalam bukunya "De westerse bescanning acculturatie Proces".

"Bahwa kebudajaan itu ialah ciptaan manusia terutama berlaku dalam manusia sendiri"⁵⁰

Teori Profesor Dr. Arnold Toynbee (1889M-1975M):

"Kebudayaan yang mulai tumbuh bererti menaikkan darjah kemanusiaan dari tangga biadab ke tangga manusia beradab dan perkembangannya itu menuju ke tangga kemanusiaan yang sempurna"⁵¹

Dari beberapa teori yang dikemukakan oleh beberapa orang pakar dalam bidang kebudayaan, El Muhammady membuat kesimpulan iaitu kebudayaan itu ialah ciptaan manusia yang hanya manusia yang berkebudayaan. Kebudayaan juga adalah cara berfikir dan cara merasa yang dibentuk oleh kepercayaan yang mengatakan diri dalam seluruh kehidupan dari sekumpulan manusia dalam satu ruang dan pada suatu waktu.⁵²

Kalau Mustaffa Daud memberikan makna tamadun dari tiga aspek bahasa iaitu bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Dari bahasa Malaysia, beliau mengambil beberapa pendapat mengenai kata tamadun seperti berikut:

⁵⁰ *Ibid.*, hal. 89

⁵¹ Prof. Dr. Arnold Toynbee, *A Study of History*, (London: Weidenfeld and Nicolson, 1976), hal. 95

Teori Abu Bakar Hamzah dalam Sejarah Kebudayaan Islam:

"Kata tamadun adalah berasal daripada bahasa Arab yang diterima sebagai sebahagian daripada perbendaharaan kata bahasa Malaysia. Tamadun itu lahir serentak, seiring dan sejalan dengan perkembangan kehidupan manusia dari semasa ke semasa dalam bentuk pemikiran dan kebendaan."⁵³

Teori Mohd. Taib al Najmy di dalam bukunya Sejarah Tamadun

Islam:

"Tamadun sebagai peraturan masyarakat yang dapat membantu manusia menambahkan hasil pengeluarannya sama ada dari segi pemikiran atau kebendaan."⁵⁴

Dari Bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

E.C Parnwell di dalam The Progressive English Dictionary:

"*Civilization* membawa maksud meningkatkan pencapaian hidup manusia daripada kemunduran kepada kemajuan dalam bidang ilmu, sains, teknologi, politik, moral dan sebagainya."⁵⁵

Mustaffa Daud mengambil teori S. Khuda Bukash di dalam bukunya *Contribution to The History of Islamic Civilization*:

"*Civilization* berasal dari kata civic yang membawa erti kehidupan kota. Justeru itu, kata *civilization* membawa erti pencapaian manusia dalam pelbagai bidang kehidupan yang hidup di kota."

⁵² TM Usman El Muhammady, *Op. Cit.*, hal 86-89

⁵³ Mustaffa Daud, *Tamadun Islam*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd., 1996), hal. 2

⁵⁴ *Ibid.*, hal. 3

⁵⁵ E.C Parnwell, *Oxford Fajar advanced Learner English Malay Dictionary*, (Selangor: Fajar Bakti, 1989), hal. 106

Beliau turut juga mengambil pendapat J.R. Strayer(1905M) di dalam bukunya *The Mainstream of Civilization* dan Darcy Riberio di dalam bukunya *The Civilization Process* sepakat bahawa:

"Civilization mempunyai kaitan yang rapat sekali dengan perbandaran. Malah antara perbandaran dan civilization merupakan dua hal yang tidak dapat dipisahkan."⁵⁶

Seterusnya beliau mengambil teori Clive Bell di dalam buku yang berjudul *Civilization and Old Finds*:

"Tamadun merupakan satu kriteria masyarakat. Hal ini bererti bahawa tamadun merupakan kayu ukur yang dapat menyukat, atau menentukan tahap sesuatu tamadun."

Teori Redfield (1897-1958M) di dalam bukunya *Introduction to the Civilization of India: Changing Dimensions of Indian Society and Culture*:

"Tamadun adalah satu cara hidup yang dapat diberikan kriterianya....tamadun juga merupakan beberapa puncak pencapaian sama seperti puncak-puncak gunung di permukaan bumi ini.

Teori Karl Wittfogel di dalam bukunya *Approaches to Asian Civilization*:

"Tamadun sebagai ciri kebudayaan secara keseluruhan daripada sesuatu negara berdasarkan pemikiran dan kepercayaan."⁵⁷

⁵⁶ Mustaffa Daud, *Op. Cit.*, hal. 4

⁵⁷ *Ibid.*, hal. 5

Teori Arnold Toynbee(1889M-1975M) di dalam bukunya *A Study of History*:

"Bahawa tamadun sebagai jenis kebudayaan yang berkembang di dalam kota...tamadun ialah satu kumpulan pemikiran dari berbagai- bagai manifestasi, orientasi yang berterusan, satu gaya kebudayaan yang bertanggungjawab membentuk institusi politik, kesusasteraan, agama dan moral."

Teori Will Deorand di dalam bukunya *History of Civilization*:

"Tamadun sebagai sistem sosial yang menolong manusia bagi mempertinggikan kedudukan kebudayaan...tamadun ialah sesuatu kemajuan atau ciptaan baru yang dilahirkan oleh sesuatu umat untuk menjadikan hidup mereka lebih tenteram dan lebih senang."

Makna tamadun dari aspek bahasa Arab, beliau turut mengambil beberapa pendapat yang relevan.

Teori Muhammad Idris Abdul Rauf Marbawi di dalam Qamus Al Marbawi:

"Tamadun berasal dari kata *Madana* yang bermaksud kehalusan budi pekerti dan akhlak mulia seperti orang kota. Ini bererti kehidupan kota dianggap sebagai kehidupan yang baik dan pencapaian kemajuan di dalam pelbagai aspek termasuk kehalusan budi dan kebendaan....tamadun juga bermaksud kehalusan adat atau kemurnian pencapaian manusia yang hidup di kota yang memiliki peraturan yang baik sehingga berjaya menghasilkan keamanan, keselamatan, kemakmuran dan penghasilan teknologi yang membantu menyempurnakan kehidupan kota yang bahagia"

Teori Ali Md. Isa:

"Tamadun berasal dari kata *Mudun* yang bermaksud kota-kota. Kata tamadun di dalam bahasa Arab bermaksud kemajuan yang dicapai oleh satu-satu bangsa

di dalam membangun dan memodenkan diri mereka agar dapat duduk di tahap yang lebih tinggi”

Teori Prof. Madya Dr. Lutpi Ibrahim:

“Tamadun berasal dari kata *tamaddana*, *tamaddunan* dan *madaniah* yang membawa maksud kehidupan kota yang menghasilkan pencapaian yang tinggi di dalam pelbagai aspek sama ada kerohanian maupun kebendaan.”⁵⁸

Mustaffa Daud menambah bahawa Ibn Khaldun dalam kitabnya

Al Muqaddimah bahawa terdapat kata yang berkaitan dengan tamadun iaitu dengan kata *Umran*, digunakan dari abad ke 14 hingga abad ke 19. Selain dari kata *Umran* itu, ada kata *Hadarah* yang bermaksud sekumpulan manusia yang tinggal di suatu tempat atau kota atau wilayah dan tanah pertanian. Menurut M.A.J Berg bahawa kata hadarah dan Umran itu mempunyai pengertian yang sama.⁵⁹

Mengambil pendapat Mustaffa Daud yang mengambil pendapat Lutpi Ibrahim bahawa:

- i. *Al Hadarah* merupakan pencapaian dalam hal kerohanian seperti pemikiran dan sebagainya yang berdasarkan aqidah, syarak dan akhlak. Ini merupakan hubungan manusia dengan manusia yang bersumberkan wahyu
- ii. *Al Madaniah* pula merupakan pencapaian dari segi kebendaan seperti alat teknologi dalam pertanian,

⁵⁸ Prof. Madya Dr. Lutpi Ibrahim, *Antologi Pemikiran Islam*, (Selangor: Penerbit Hizbi, 1993), hal. 25

pengeluaran, pengangkutan dan sebagainya, senibina dan lain-lain lagi. Ia merupakan hubungan dengan alam sekitarnya yang bersifat kebendaan. Ia juga bersumberkan wahyu

- iii. Tamadun merangkumi kedua-dua aspek yang tersebut di atas.⁶⁰

Mustaffa Daud membuat kesimpulan bahawa Tamadun Islam itu ialah pencapaian manusia dalam bidang kerohanian dan kebendaan yang berpusat di kota yang berbentuk skrip, seni bina, ilmu pengetahuan, sains, teknologi, kepercayaan, undang-undang, politik dan sebagainya yang berdasarkan kepada akidah, syarak dan akhlak dan bersumberkan al Quran dan al Sunnah.⁶¹

Tamadun berhubungan dengan kata-kata seperti kebudayaan dan peradaban. Kalau bentuk kebudayaan sudah membentuk kepada budaya material yang lahir daripada sebuah konsep (tamadun). Ini kerana tamadun merupakan konsep pemikiran yang lahir daripada pemikiran manusia. Ini bermakna tamadun lebih cenderung pada alam konsep manakala kebudayaan merupakan hasil daripada tamadun itu sendiri.

⁵⁹ Musthafa Hj. Daud, *Op. Cit.*, hal. 6

⁶⁰ *Ibid.*, hal. 7

E. SOSIOLOGI PENDIDIKAN

I. Konsep Masyarakat dan Perubahan

Masyarakat merupakan sebuah kelompok sosial. Menurut kamus Dwi Bahasa bahawa masyarakat (*society*) adalah kumpulan manusia yang hidup bersama mengikut peraturan dan cara tertentu.⁶²

Dalam hal ini, Hazil mengambil beberapa teori dari Sosiolog dan Antropolog untuk menerangkan hakikat sebenarnya masyarakat tersebut. Antaranya ialah:

Teori Ottaway dalam *Education and Society*:

"masyarakat ialah satu satut komuniti atau sebahagian daripada komuniti dalam mana di sini ahli-ahlinya sedar tentang cara hidup dalam komuniti itu dan bersatu melalui tujuan dan nilai-nilai hidup yang sama"

Teori Robert M. Mac dalam buku *society*:

"bahawa masyarakat adalah kumpulan manusia yang mampu bekerjasama untuk mencapai satu tujuan yang sama...masyarakat adalah ialah sistem satu tujuan sosial dan melalui nyalah kita meneruskan kehidupan kita"⁶³

Dari teori di atas, Hazil membuat satu kesimpulan umum tentang teori masyarakat:

"Masyarakat adalah merupakan satu kumpulan manusia yang tinggal di suatu tempat yang sama yang merupakan kumpulan manusia telah diikat oleh satu ikatan yang sama iaitu tradisi, adat resmi, serta kebudayaan dan

⁶¹ Ibid.

⁶² Kamus Dwibahasa, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979), hal. 1186

⁶³ Hazil Abdul Hamid, *Sosiologi Pendidikan Dalam Perspektif Pembangunan Negara*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), hal. 2

mempunyai tujuan bagi mengembangkan zuriat masyarakat"⁶⁴

Manakala Joel M. Charon dalam bukunya *Sosiology: A Conceptual Approach* mengatakan masyarakat dapat dilihat dalam beberapa perkara iaitu masyarakat dapat dilihat sebagai organisasi sosial, masyarakat dapat dilihat sebagai sebuah negara bangsa (*nation state*) dan masyarakat dapat dilihat sebagai sebuah organisasi yang besar dan kompleks sebagaimana beliau mencantohi sebuah masyarakat Amerika Syarikat yang terkandung dalamnya tiga kumpulan utama iaitu Minneapolis, New York City dan Zap, N.D yang di bawahnya terdapat garis kumpulan masyarakat dan masyarakat dilihat sebagai sebuah sistem sosial. Dikatakan sebagai sebuah sistem kerana meminjam istilah dari disiplin keilmuan yang lain seperti sistem solar, sistem ekologi dan lain-lain lagi.⁶⁵

Manakala perubahan, ada kaitan yang sangat rapat dengan masyarakat dan sebaliknya. Masyarakat sering melakukan perubahan untuk mencapai dari satu peringkat ke peringkat lain yang akhirnya menjadi identiti bagi mereka.

Menurut Joel M. Charon, sulit untuk memberikan erti perubahan sosial kerana ia bersifat relatif. Apakah perubahan itu bersifat individu.

⁶⁴ *Ibid.*, hal. 3

Kalau individu mungkin ia mengatakan saya berbeza dari sepuluh tahun yang lalu atau anak saya berbeza dengan saya tatkala saya masih kecil lagi. Maka harus ditentukan perubahan itu apakah perubahan yang bersifat budaya, institusi atau struktur masyarakat.⁶⁶

Kalau menurut Guy E. Swanson tentang perubahan dilihat dari kaca mata perubahan alami adalah sinonim dari pembangunan, progres, evolusi, fungsi, dan proses.⁶⁷ Ini terdapat kesamaan idea dengan Emile Durkheim(1858M-1917M) apabila beliau membahas tentang perubahan sosial dalam teori pembangunan (*development*).⁶⁸

Menurut Emile Durkheim(1858M-1917M) terdapat empat hal yang bersangkutan dengan perspektif pembangunan ini iaitu:

- i. Mencari sesuatu yang asli
- ii. Rekapitulasi dari tingkat
- iii. Sebab-sebab dari pembangunan
- iv. Sebuah *trend* atau arahan dari sebuah asumsi pembangunan.⁶⁹

Menurut Hazil, terdapat beberapa perbezaan dari segi corak dan tingkat perubahan berlaku dalam semua aspek kehidupan

⁶⁵ Joel M. Charon, *Sociology: A Conceptual Approach*, (Boston: Allyn and Bacon, 1991, ed.3), hal. 133-137

⁶⁶ *Ibid.*, hal. 428

⁶⁷ Guy E. Swanson, *Social Change*, (London: Scott, Foreman and Company, 1971), hal. 2

⁶⁸ Robert Nisbett, *The Sociology of Emile Durkheim*, (New York: Oxford University Press, 1974), hal. 239

⁶⁹ *Ibid.*, hal. 241

yang akan melahirkan dua posisi yang berbeza iaitu integrasi dan disintegrasi. Teori ini lebih mendekati kepada teori evolusi Darwin yang membentuk masyarakat melalui perubahan secara bertahap dan evolusi⁷³.

Terdapat juga teori yang mengatakan bahawa perubahan masyarakat itu datangnya daripada luar. Apa yang dikenali sebagai teori eksternalistik perubahan sosial. Perubahan masyarakat akan terjadi jika terjadi pertembungan budaya yang lebih tinggi. Konsep penting dalam teori ini ialah difusi, akulterasi dan asimilasi.⁷⁴ Biasanya teori ini berlaku dalam masyarakat yang sentiasa ada kaitan dengan ekonomi. Teori ini lebih mendekati kepada teori material Marx. Di mana masyarakat akan berubah apabila ia mendapati bahawa konsep untuk memenuhi keperluan hidup. Terdapat proses gerak untuk mencari *input* dana dalam kehidupan.⁷⁵

Terdapat sebuah teori yang diungkap oleh Harold L. Hodgkinson dalam *Education in Social Cultural Perspectives* iaitu teori *Cultural Lag*. Teori ini berhubungan dengan perubahan masyarakat iaitu teknikal budaya⁷⁶ dan nilai budaya⁷⁷ terdapat jurang pemisahan antara keduanya pada period tertentu. Di bawah ini ditunjuk tentang gambar

⁷² *Ibid.*, hal 59.


⁷³ *Ibid.*, hal 60

⁷⁴ *Ibid.*, hal 64

⁷⁵ Guy E. Swanson, *Social Change*, (London: Scott, Foresman and Company, 1971) hal. 31

⁷⁶ hal-hal yang bersifat kemahiran hidup yang mendukung proses kehidupan manusia

rajab yang menunjuk terdapat beberapa period yang diwakili oleh huruf A, B dan C yang sering tidak bertemu antara satu sama lain kerana terdapat faktor period yang bergaris horizontal dan faktor perubahan yang bersifat vertikal.⁷⁸



Gambar rajah 2.2: TEORI CULTURAL LAG

II. Mobiliti Sosial

Hazil melihat mobilisasi boleh dilihat dari dua aspek, iaitu yang pertama mobiliti dari segi geografi yang bermakna pergerakan dari satu

⁷⁷ hal yang menyangkut masalah nilai dari sesuatu yang diciptakan oleh manusia

tempat ke tempat yang lain. Yang kedua ialah mobiliti sosial yang difaham sebagai satu pergerakan seseorang individu itu dari satu kedudukan dan peranan sosialnya kepada satu kedudukan dan peranan sosial yang lain dan daripada satu status kepada status yang lain. Terdapat dua bentuk mobiliti sosial ini iaitu berbentuk horizontal yang mendatar dan vertikal yang menegak. Mobiliti menegak bermaksud perubahan seseorang kepada yang lebih tinggi dari yang asal dan posisi tinggi itu merupakan peranan yang lebih tinggi juga.⁷⁹

Hazil mengambil pendapat ahli sosiologi Sorokin yang mengistilahkan mobiliti menegak itu sebagai pemanjatan dan penenggelaman dalam sosial. Mobiliti menegak dimaksudkan seseorang individu dari status yang rendah kepada status yang lebih tinggi lagi atau perubahan sekelompok masyarakat yang mendakwa mereka itu mempunyai status yang lebih dalam masyarakat tersebut.⁸⁰

Kalau Harold L. Hodgkinson mengatakan mobiliti sosial dan stratifikasi sosial adalah dua sisi wang yang sama. Kalau stratifikasi sosial lebih condong ke arah sebuah sistem posisi status sosial manakala mobiliti lebih kepada gerakan seseorang individu atau kumpulan dari strata sosial ke strata sosial yang lebih tinggi.⁸¹

⁷⁸ Harold L. Hodgkinson, *Education in Social Cultural Perspectives*, (New York: Prentice Hall, Inc., 1964), hal. 110

⁷⁹ Hazil Abdul Hamid, *Op. Cit.*, hal. 105

⁸⁰ Ibid.

⁸¹ Harold L. Hodgkinson, *Op. Cit.*, hal. 63

III. Stratifikasi sosial (Kelas Sosial)

Kalau Joel M. Charon melihat ada beberapa makna dari struktur kelas iaitu:

- i. Eksistensi struktur ekonomi. Adanya kekurangan persamaan dalam kekuasaan, keistimewaan dan prestij kerana individu dan keluarganya diletakkan pada jumlah yang berbeza dalam sumber perekonomian
- ii. Posisi kelas memberikan pengaruh terhadap apa yang dilakukan dan difikirkan oleh seseorang serta juga memberikan pengaruh terhadap keanggotaan dan posisinya dalam struktur masyarakat dalam setiap peringkat
- iii. Manusia dilahirkan dalam posisi kelas dan keluarga mereka mengekalkan posisi mereka (atau boleh juga menaiktarafkannya-pen)
- iv. Struktur kelas telah diabadikan dalam sejarah dan dikawal rapi oleh idea yang dominan dan sistem institusi baik dalam pemerintahan, pendidikan dan agama.⁸²

Kalau dulu masyarakat tradisional hanya terdiri daripada dua kelas iaitu kelas pemerintah (aristokrat) dan kelas rakyat. Ada sebuah lagu suci (*hymn*) Inggeris iaitu:

*The rich man in his castle,
The poor man at his gate,
God made them high and lowly,
And ordered their estate.*⁸³

Pada era industri, polarisasi sedemikian tidak relevan dengan perkembangan zaman kerana terdapat ciri-ciri baru yang menentukan stratifikasi sosial. Seperti Max Weber telah memperkenalkan beberapa istilah baru dalam stratifikasi sosial ini. Antaranya ialah kelas, status dan kuasa. Ketiga-tiganya memberikan konstribusi yang besar terhadap kelas sosial.⁸⁴

T. Marimuthu melontarkan sebuah teori yang dikemukakan oleh Reid tentang definisi kelas sosial iaitu satu usaha mengelompokkan manusia ke dalam kategori-kategori tertentu berdasarkan pekerjaan mereka. Beliau lebih melihat status seseorang dari sektor pekerjaan dalam menentukan kelas sosial mereka.⁸⁵ Tapi Harold L. Hodgkinson mengatakan terdapat dua kriteria yang menentukan sama ada pekerjaan menentukan taraf kelas sosialnya iaitu:

⁸² Joel M. Charon, *Op. Cit.*, hal 297

⁸³ Harold L. Hodgkinson, *Op. Cit.*, hal 9

⁸⁴ Hazil Abdul Hamid, *Op. Cit.*, hal 109

⁸⁵ T. Marimuthu, *Op. Cit.*, hal 42

- i. Posisi pekerjaan yang terpenting dalam sebuah komuniti masyarakat
- ii. Jarangnya individu yang berkelayakan terhadap posisi pekerjaan tersebut.⁸⁶

Dalam hal ini, T. Marimuthu berpendapat bahawa taraf sosial ibubapa mereka memberikan pengaruh terhadap kecemerlangan pendidikan anak mereka. Ini dapat dibuktikan oleh kajian oleh orang barat seperti Floud (1956) dan rakan-rakannya tentang pengaruh persekitaran terhadap pendidikan anak usia 11 tahun. Mereka berkesimpulan bahawa persekitaran tidak memberikan pengaruh sangat terhadap kecemerlangan anak-anak seusia tersebut. Yang mendominasi pengaruh tersebut adalah saiz keluarga dan idealis ibubapa (yang sudah tentu ada kaitan dengan kelas sosial-pen) dalam pendidikan.⁸⁷

Kajian di Malaysia pula mendapati ada satu hubungan yang signifikan antara taraf sosio ekonomi dan pencapaian dan gejala tidak mendaftar diri. Tapi pola hubungan berbeza jika dilihat dari aspek kaum. T. Marimuthu mengatakan terdapat perbezaan antara masyarakat India dan Melayu, didapati hubungan taraf sosio ekonomi

⁸⁶ Harold L. Hodkinson, *Op. Cit.*, hal. 7

⁸⁷ T. Marimuthu, *Op. Cit.*, hal. 43-44

dengan pencapaian akademik ini adalah paling ketara dalam masyarakat India dan paling tidak ketara bagi masyarakat Melayu.⁸⁸

IV. Lingkungan

Pendidikan seseorang dipengaruhi oleh lingkungan (persekitarannya), walaupun ia tidaklah merupakan ciri dominan dalam pendidikan seseorang tapi ia tetap memberikan kontribusi besar dalam perjalanan pendidikan.

T. Marimuthu dalam membahas tentang pengaruh tersebut, sebagaimana analisa yang dikemukakan oleh Himmelweit(1958) dalam kajiannya mendapati jenis sekolah (lingkungannya-pen) lebih berpengaruh jika dibandingkan dengan tingkah laku pelajar tersebut. Beberapa kajian menunjukkan faktor-faktor sekolah pada bentuk kualiti pengajaran, pengelompokan, kelainan prestij dan taraf yang dikaitkan kepada sekolah telah mewujudkan pengaruh yang besar ke atas aspirasi, jangkaan dan pencapaian para pelajar, tanpa memperhitung asal usul sosialnya.⁸⁹

Hazil memberikan beberapa kriteria yang mempengaruhi terhadap perkembangan pendidikan para pelajar dan salah satu antaranya ialah lingkungan iaitu:

⁸⁸ *Ibid.*, hal. 45

- i. Latar belakang keluarga dan masyarakat sekeliling. Orang yang berpendapatan rendah biasanya tinggal di kawasan yang tidak strategik seperti setinggan. Faktor kausaliti antara mekanisma kehidupan golongan sederhana secara global boleh dikatakan kurang memberikan perhatian yang seoptimalnya kepada pendidikan anak-anak mereka
- ii. Kemudahan yang terdapat dalam kawasan-kawasan berpendapatan rendah kurang, terutama sarana pendidikan seperti perpustakaan dan sebagainya.⁹⁰

F. PENGARUH LINGKUNGAN DALAM METODOLOGI PENDIDIKAN (PEDAGOGI)

Sebagaimana gambaran yang diberikan oleh Emile Durkheim(1858M-1917M) dalam edisi terjemahan bahasa Inggeris iaitu *Education and Sociology*⁹¹ iaitu pendidikan merupakan asas kepada sosialisasi terhadap anak (pelajar-pen). Proses sosialisasi yang dimaksudkan adalah proses pemberian nilai kemanusiaan, inisiatif, tanggungjawab dan kesempurnaan dari seseorang individu.⁹²

Oleh itu, pendidikan tidak terlepas daripada asas sosiologis yang memberikan nilai hubungan kemanusiaan yang tidak boleh dipisahkan.

⁸⁹ *Ibid.*, hal. 69-72

⁹⁰ Hazil Abdul Hamid, *Op. Cit.*, hal. 124-126

⁹¹ karya asal berbahasa Perancis yang berjudul “*Education at Sociology*”

⁹² Emile Durkheim, *Education and Sociology*, (Illinois: The Free Press, 1956), hal. 32

Dari buku yang sama, Durkheim(1858M-1917M menekankan perlunya pemahaman terhadap masyarakat yang mempunyai variasi dari pelbagai aspek yang akan menonjolkan sistem pengajaran yang berbeza antara satu sama lain.⁹³ Ini menunjukkan perbezaan antara sesuatu masyarakat sedikit sebanyak akan memberikan frekuensi yang berbeza daripada aspek pendidikan. Contohnya masyarakat Arab, penekanan pendidikan lebih cenderung kepada proses penghafalan terhadap pengajaran yang diberikan. Ini kerana keupayaan daya ingatan mereka lebih tinggi. Jika dibandingkan masyarakat Melayu, penekanan pendidikan melalui penghafalan sesuatu pengajaran bukanlah suatu yang efektif tapi ditekankan daripada aspek pemahaman sesuatu pengajaran. Maka hal seperti ini, memberiksn pemaham/an bahawa latar belakang masyarakat akan membentuk proses pendidikan yang diberikan.

Proses pendidikan tidak terlepas daripada Sosiologi. Salah satu daripada hubungan tersebut adalah persekitaran. Dalam hal ini, penekanan terhadap persekitaran atau lingkungan akan memberikan wajah yang bervariasi terhadap bentuk pengajaran, atau dengan kata lain terhadap pedagogi. Kebanyakan tokoh sosiologis barat mahupun Malaysia dalam kajian mereka terhadap pengaruh persekitaran seolah-olah bersepakat dalam pengertian bahawa pengaruh ini wujud dalam tingkat(kelas) masyarakat yang berbeza.

⁹³ *Ibid.*, hal. 23

Pengaruh yang dimaksudkan bukan bererti pengaruh yang memberikan indikasi kepada pengaruh langsung, tapi pengaruh yang dilihat daripada perspektif sosiologi. Sosiologi melihat bahawa setiap agen perubahan seperti institusi pendidikan akan terlibat secara tidak langsung dengan sesbuah komuniti masyarakat. Keterkaitan ini akan memberikan makna kepada hubungan pengaruh persekitaran yang terdapat dalam masyarakat kepada sistem pendidikan yang dilaksanakan. Secara tidak langsung membawa bersama pengaruh terhadap metode pengajaran yang bersandarkan pola masyarakat.

Suatu kajian yang dibuat oleh pakar sosiologi pedidikan, Dr. Syarifah Alawiyah Al Sogaff melihat terdapat pengaruh sosial dengan melihat bahawa faktor persekitaran atau lingkungan sebagai sudut pandang terhadap pencapaian persekolahan, yang secara tidak langsung bagi hemat penulis bahawa akan turut mempengaruhi metodologi pendidikan (pedagogi).

Pengaruh persekitaran yang pertama dengan melihat taraf sosio ekonomi. Taraf sosio ekonomi akan memperlihatkan kajian terhadap kelas sosial yang normatif. Menurut Dr. Syarifah Alawiyah yang merujuk kepada beberapa kajian yang telah dibuat di Malaysia dan di Amerika Syarikat mendapatkan beberapa rumusan yang dibuat iaitu:

- i. Jika kebanyakan pelajar berasal daripada kelas rendah akan mengalami ketidakstabilan keluarga
- ii. Penglibatan ibubapa berkurangan di sekolah jika mereka berasal daripada kelas bawah
- iii. Jika pelajar daripada kelas rendah, maka tidak memperlihatkan perlakuan yang *standard*
- iv. Jika kebanyakan pelajar berasal daripada kelas rendah, tahap kecerdasan tidak melebihi 90
- v. Jika kebanyakan pelajar berasal daripada kelas rendah maka pencapaian pada tahap rendah
- vi. Jika kebanyakan pelajar berasal daripada kelas rendah maka akan sikit untuk kemasukan ke pusat pengajian tinggi.⁹⁴

Dua dasar pandangan terhadap rumusan di atas iaitu:

- i. Dengan melihat daripada sudut pandang pelajar daripada kelas bawah yang membawa dampak yang negatif terhadap persekitaran sekolah kerana keterbatasan kognitif para pelajar
- ii. Dengan melihat bahawa sekolah adalah intitusi untuk kelas pertengahan yang menitikberatkan kepada tahap untuk keperluan kelas pertengahan saja dan bukannya untuk kelas bawah yang tidak mampu mencapai kelas pertengahan.

⁹⁴ Sharifah Alawiyah Al Sogaff, *Sosiologi Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Heinemann Malaysia, 1985), hal 172

Maka lahir ketidakstabilan daripada pengajaran yang dibuat.⁹⁵

Pengaruh persekitaran kedua ialah dilihat daripada aspek nilai. Nilai turut memberikan kontribusi terhadap kesan pembelajaran. Aspek nilai daripada segi orientasi masa yang berbeza antara kelas. Kemudian orientasi peribadi kelas bawahan lebih inklusif jika dibandingkan dengan kelas pertengahan yang eksklusif. Identiti diri kelas bawahan tidak menonjol jika dibandingkan dengan kelas pertengahan yang mempertahankan identiti dengan mengikuti idola seperti ibubapa pelajar. Motivasi turut mempengaruhi kerana kelas pertengahan akan mempertahankan identiti yang selanjutnya memperkembangkan identiti mereka kepada peringkat lebih tinggi. Manakala bagi kelas bawahan berjaya untuk menentang kepayahan dalam hidup adalah memadai. Keagresifan fizikal melihat dua bentuk perbezaan di mana kelas pertengahan hanya mempergunakan keagresifan pada hal yang tidak memaksa manakala bagi kelas bawahan adalah sebaliknya untuk memenuhi keperluan hidup.⁹⁶

Aspirasi sekolah adalah salah satu pengaruh persekitaran yang melihat sikap kumpulan sosial yang menentukan sikap mereka terutama dalam pendidikan. Dengan sudut pandang iklim mampu

⁹⁵ *Ibid.*, hal 173

menilai sikap seseorang pelajar dalam mengenalpasti tipologi perwatakan mereka. Begitu juga dengan kumpulan sebaya turut dikatakan mempengaruhi pendidikan pelajar. Kumpulan yang mendominasi dalam sekolah akan mempengaruhi yang belajar di sekolah tersebut. Begitu juga dengan pengaruh rakan sebaya. Pengaruh terakhir adalah peluang-peluang sosial yang masih melihat keterbatasan kelas sosial terutama kelas bawahan dalam menembusi batas wilayah pergerakan mereka yang boleh diistilahkan sempit dan terbatas. Walaupun kecerdasan wujud dikalangan anak-anak kelas bawahan namun kerana kekurangan material menghambat untuk melanjutkan pendidikan mereka.⁹⁷

Di sudut yang lain, institusi pendidikan harus bersifat objektif dalam menentukan sikap diri sebagai lembaga sosial yang menempatkan beberapa struktur masyarakat yang berbeza. Sifat *stereotype* yang hanya untuk kelas pertengahan bukanlah persoalan yang menjadi dilemma yang memanjang, tapi bagaimana penempatan untuk multi masyarakat dalam pembentukan satu pendidikan yang diterima oleh semua pihak. Kekakuan sepihak menyebabkan dilemma kepada lembaga pendidikan berterusan tanpa memikirkan sistem pendidikan yang global yang mampu menampung semua setiap individu masyarakat. Bagi pengajar, perlu menjadikan seorang individu

⁹⁶ *Ibid.*, hal 174-176

⁹⁷ *Ibid.*, hal 177-188

yang inovatif dan dinamik serta mampu menempatkan diri pada posisi yang sesuai terhadap permintaan sistem pendidikan. Namun sistem dan pendidikan sering mengalami kontradiksi kerana menginginkan kepada kehendak yang berlawanan antara satu sama lain.⁹⁸ Pendidikan sering menginginkan kesempurnaan atau ideal sebagai manusia. Namun sistem sering mengabaikan kehendak kesempurnaan kerana memegang sesuatu yang dituntut. Perubahan revolusi di negara industri sering mengorbankan pendidikan yang akhirnya membentuk sistem pendidikan ke arah individu yang mempunyai watak industri. Pendidikan sering menjadi korban kepada kehendak sistem.⁹⁹

Apa yang penting dalam matlamat pendidikan menurut E. Kant adalah perkembangan (perubahan-pen) dalam setiap individu yang menuju ke arah kesempurnaan yang ideal.¹⁰⁰ Ini sesuai dengan pandangan sosiologi yang melihat masyarakat berubah hasil daripada tindakan agen perubahan baik daripada masyarakat mahupun proses perubahan itu sendiri.

⁹⁸ Donald H. Clark, Ed., *Humanistic Teaching*, (Ohio: Charles E. Merill Publishing Company, 1971), hal. 40

⁹⁹ Antonio Klosowska, *Education in A Changing Society*, (London: Sage Publication Ltd., 1977), hal. 60-61


¹⁰⁰ Emile Durkheim, *Op. Cit.*, hal 62

G. RUANG LINGKUP KERTAS SEJARAH I DAN II PERINGKAT STPM

Kertas Sejarah pada peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mengalami perubahan setelah bahagian Sejarah Islam telah ditukarkan kepada Tamadun Dunia Hingga Tahun 1800 (yang terkandung di dalamnya Tamadun Islam).

Pada dasarnya kertas Sejarah dibahagi kepada dua bahagian utama iaitu kertas satu yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A, Tamadun Mesopotamia, Mesir, Hwang Ho, Yunani, Rom, Graeco-Roman, India, China, Melayu dan Barat dan bahagian B, Tamadun Islam. Kertas dua turut dibahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A, Malaysia dan bahagian B, Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Timur yang meliputi beberapa buah negara yang berada di tiga wilayah Asia tersebut.

Gambar rajah 2.3:Pembahagian kertas Sejarah



Sebagai dasar kepada kajian ilmiah maka pendekatan baru telah digunakan sejajar dengan pendekatan yang sesuai untuk kajian sejarah dan Tamadun. Sebelum kertas Sejarah direnovasi dalam bentuk baru, pendekatan sejarah naratif digunakan. Ini membawa kesan yang ironis sekali kepada para pelajar kerana fungsi sejarah sebagai pengajaran dalam memahami sebuah bangsa atau negara tidak terealisasi. Sejarah naratif melihat bentuk yang membawa permasalahan sejarah politik dan sejarah militer yang mempunyai konotasi kepada sejarah elit pemerintahan. Hal ini memberikan konotasi kepada sejarah dimiliki golongan elit pemerintahan. Sejarah yang berbentuk ini memuatkan kajian historis yang bersifat lokal (tempatan) tanpa membentuk sejarah

yang bersifat universal. Kesan sejarah seperti ini, memberikan gambaran tentang makna sejarah yang terbatas kepada suatu aspek kajian yang bersifat domestik tanpa memberikan kontribusi penting dalam spekulatif bentuk sejarah yang akan datang.¹⁰¹

Dengan pendekatan yang dicanangkan oleh Ibn Khaldun dalam kajian teoretis di dalam kitab *Muqaddimah li Ibn Khadun* terealisasi pada pasca perubahan dalam sukanan pelajaran baru bagi kertas Sejarah. Gagasan yang dibuat oleh Ibn Khaldun (1332M-1382M) tercermin dalam aspek pendekatan dan metodologinya. Kajian kertas Sejarah versi baru sudah membentuk kajian yang bersifat tematik iaitu mengangkat beberapa tema dalam pembahasan tentang tamadun manusia dengan membuat kajian beberapa buah kawasan. Kalau sebelum ini, kajiannya lebih bersifat kajian historis domestik (berdasarkan kawasan yang memberikan gambaran tentang kajian yang bersifat eksklusif).¹⁰²

Kalau pendekatan sebelumnya membahaskan tentang sejarah golongan elit pemerintahan maka pendekatan baru yang digunakan sudah memberi deskripsi tentang keterlibatan secara global manusia yang memberikan kontribusi dalam tamadun manusia. Inilah yang disebut sebagai kajian ilmu-ilmu sosial (sosiologi). Dalam sebuah

¹⁰¹ Mahayuddin Haji Yahaya, *Tamadun Islam*, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1998), hal. ix

komuniti, ia menentukan sendiri frekuensi jatuh bangunnya masyarakat atau sistem pemerintahan yang dijalankan. Maju mundur itu di bawah beban dan tanggungjawab pemimpin dan masyarakat yang dipimpin. Pendekatan yang baru ini lebih cenderung mengangkat persoalan beberapa tema tertentu yang berkait rapat dengan tamadun manusia yang lahir daripada beberapa tamadun di beberapa wilayah. Tamadun belum mampu berdiri dengan sendiri tanpa didukung oleh kajian historis. Keterlibatan sejarah sedikit sebanyak memberikan konstribusi yang besar terhadap pemaparan kajian tamadun.¹⁰³

Pendekatan untuk kertas 2 tidak mengalami banyak perubahan daripada sebelumnya. Ia masih melihat kajian historis yang turut mengangkat beberapa tema-tema yang konotasi kepada politik di wilayah Asia. Maka kecenderungan kertas 2 ini memperlihatkan kajian politik pemerintahan yang dihadapkan imperialisme barat yang banyak mewarnai mekanisme pemerintahan bagi wilayah Asia ini. Pendekatan tematik yang dipaparkan tidak banyak membawa kepada kajian sosial sebagaimana kertas 1 (Tamadun Dunia).

¹⁰² Ibid.

¹⁰³ Ibid, hal 4

Ruang lingkup

Batasan waktu bagi kertas 1 adalah bermula daripada tahun 5000 SM sehingga tahun 1800. Manakala bagi kertas 2 pula bermula daripada tahun 1800 sehingga tahun 1963.

Kertas 1(Tamadun Dunia dan Tamadun Islam)

Untuk bahagian A dan B, kedua-duanya mengangkat beberapa tema yang sama.

Jadual 2.1: Senarai tema yang dibahas dalam Tamadun Dunia dan Islam

| BAHAGIAN A | BAHAGIAN B |
|---------------------------------|--|
| 1. Manusia dan Masyarakat | 1. Manusia dan Masyarakat |
| 2. Pemerintahan dan Pentadbiran | 2. Pemerintahan dan Pentadbiran negara |
| 3. Ketahanan dan Pertahanan | 3. Ketahanan dan Pertahanan |
| 4. Ekonomi | 4. Sistem Ekonomi Islam |
| 5. Pendidikan | 5. Pendidikan |
| 6. Intelektual | 6. Intelektual |
| 7. Penjelajahan dan Penerokaan | 7. Penerokaan dan Penjelajahan |
| 8. Kesenian | 8. Kebudayaan dan Kesenian |

Kertas 2 (Sejarah Malaysia dan Sejarah Asia Tenggara, Timur, Selatan)

Beberapa tema yang dibahas dalam kertas dua ini iaitu:


Jadual 2.2: Senarai tema yang dibahas dalam Sejarah Malaysia, Asia Tenggara, Timur dan Selatan

| BAHAGIAN A (Sejarah Malaysia) | BAHAGIAN B (Sejarah Asia Tenggara, Timur dan Selatan) |
|--|---|
| 1. Masyarakat Tempatan | 1. Institusi Pemerintahan, Sistem Sosial dan Sistem Ekonomi |
| 2. Transformasi Masyarakat | 2. Perluasan Kuasa Asing |
| 3. Nasionalisme dan Pembentukan bangsa | 3. Campur Tangan Kuasa- Kuasa Barat |
| 4. Pengisian Kemerdekaan | 4. Kesan Campur Tangan Kuasa-Kuasa Asing Terhadap Masyarakat dan Negara |
| - | 5. Nasionalisme dan Pembentukan Negara Bangsa |
| - | 6. Nasionalisme dan Perkembangan di Asia Tenggara |
| - | 7. Nasionalisme dan Perkembangannya di Asia Selatan dan Asia Timur |

Penulis memberikan gambaran tema-tema yang dibahas dari sukanan mata pelajaran bagi kertas Sejarah, Kertas 1, Bahagian B, iaitu bahagian yang membincangkan Tamadun Islam (sesuai dengan kajian penulisan ini).

Sebagaimana yang diterangkan pada jadual di atas, terdapat lapan bab yang dibincangkan. Dari kelapan bab tersebut tiga hal utama yang dibincangkan iaitu aspek ekonomi, politik dan sosial.

Gambar rajah 2.4: Tema-tema yang Terdapat dalam Kertas Tamadun



Tema pertama yang dibahaskan dalam bahagian Tamadun Islam ini adalah kajian tentang manusia dan masyarakat. Tema ini dijadikan bahan pembuka kajian ini adalah kerana manusia merupakan agen pembentukan tamadun dunia. Ini bermula semenjak manusia pertama sehingga ke hari ini. Pada tahap awal manusia yang hidup secara individualistik yang kemudiannya membentuk komuniti yang

bergelar masyarakat. Masyarakat ini membentuk satu peraturan yang harus diakui oleh semua. Bermula ikatan masyarakat yang melahirkan idea dan pemikiran dalam pembentukan sesebuah tamadun.

Zaman pra Islam dijadikan momentum awal dalam pembentukan Tamadun Islam. Proses transformasi bermula ketika Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW mula diterima dan diadaptasi dalam konteks kehidupan. Bermula proses Tamadun Islam yang bergerak secara evolusi dalam didikan ajaran keagamaan di bawah petunjuk wahyu Ilahi yang dibawa oleh Nabi SAW. Masyarakat diatur dalam bentuk peraturan yang dijaga hak antara satu sama lain. Maka termeterai sebuah piagam yang disebut piagam Madinah¹⁰⁴. Hal ini sebagai pembentukan awal komuniti masyarakat Madinah yang hidup dalam multi etnik dan agama. Hak sebagai individu dan masyarakat dijaga dan ikatan itu tercermin dalam peraturan yang dijalankan. Kota Madinah sebagai model awal sebuah masyarakat Islam yang hidup berdampingan dengan masyarakat non Muslim.

Model Madinah dijadikan dasar awal kepada pembentukan masyarakat Islam untuk ke wilayah lain. Maka dakwah sebagai landasan awal untuk perkembangan Islam. Model dakwah dilakukan dengan dua fasa iaitu dimulai dengan dakwah secara *sirri* (rahsia atau senyap). Setelah itu berjalan dengan dakwah secara *jahri* (terang-

terangan). Proses dakwah Rasulullah tidak berjalan secara lancar kerana timbul konflik dari masyarakat yang tidak menerima ajaran Islam.

Walaupun tindakan dakwah ini berjalan dengan pelbagai tekanan daripada pihak non Muslim, namun disatu sudut yang lain pembentukan masyarakat Islam terus berjalan dan timbul daya kualiti keimanan yang tinggi pada diri masyarakat Muslim. Simbol perpaduan ummah lahir dengan berdirinya masjid yang pertama. Kewafatan Rasulullah SAW tidak menghentikan perkembangan Islam namun ia berkembang sehingga ke zaman para pengantinya yang digelar sebagai Khalifah. Khalifah sebagai simbol ketua negara dan keagamaan. Wilayah Islam turut berkembang dengan ekspansi yang dijalankan di wilayah non Arab.

Perkembangan wilayah Islam yang begitu luas sehingga ke beberapa benua yang melahirkan tamadun Islam yang gemilang. Lahirnya beberapa cendikiawan Muslim dengan idea pemikiran yang kreatif dan kritis mampu menonjolkan keintelektualan dan kesenian yang bertaraf antarabangsa.

Tema yang kedua tentang pemerintahan dan pentadbiran negara. Model sebuah negara Islam tercermin daripada pembentukan

¹⁰⁴ Istilah asal disebut *Sahifah Madinah*

Madinah sebagai kota Islam. Walaupun multi etnik dan kaum serta agama namun membentuk masyarakat Madinah yang harmonis dalam sebuah perjanjian yang termeterai iaitu Piagam Madinah. Rasulullah SAW sebagai pimpinan masyarakat Madinah yang memegang tugas dalam semua bidang baik daripada segi ekonomi, politik maupun sosial. Baginda SAW sekaligus sebagai pemimpin agama.

Kewafatan Nabi SAW tidak meninggalkan pengganti atau model sebagai penganti. Para sahabat memilih untuk mencari pengganti pimpinan yang digelar sebagai khalifah. Sistem kekhilafahan ini sebagai model kepimpinan untuk seterusnya sehingga kejatuhan kekhilafahan Turki Usmani.

Tema ketiga ialah tentang ketahanan dan pertahanan. Pertahanan asas kepada keselamatan pembentukan sesebuah negara. Ketahanan diertikan sebagai ketabahan oleh setiap individu dalam bentuk rohani dan fizikal. Paduan antara kedua ini membantu proses pertahanan baik bagi diri, masyarakat, agama dan negara dalam mempertahankan musuh. Beberapa ayat dan hadith menyentuh mengenai permasalahan pertahanan. Islam mempertekankan kedamaian dan menegah daripada mencerobohi wilayah lain kerana kata Islam memberikan konotasi kepada perdamaian. Beberapa siri peperangan yang dilalui oleh Rasulullah SAW memberikan gambaran

tentang adab semasa berperang. Perlecehan terhadap kanak-kanak, wanita dan orang tua ditegah begitu juga dengan tumbuhan.

Gambaran yang membawa kedamaian (*As Sulhi*) dapat dilihat daripada ajakan Rasulullah dan para khalifah dalam membuka beberapa wilayah setiap wilayah diberikan peluang sama ada menerima Islam atau membayar cukai atau jizyah. Seandainya alternatif yang ditawarkan tidak diikuti maka jalan terakhir adalah diperangi.

Di dalam sistem ketenteraan, beberapa elemen yang diperhatikan seperti gaji tentera, senjata, struktur organisasi tentera, taktik dan strategi perang.

Tema selanjutnya adalah tentang sistem perekonomian yang menjadi tunjang pembangunan negara. Ekonomi menurut pandangan Islam dapat diertikan sebagai suatu ilmu yang mengkaji kegiatan manusia yang selaras dengan tuntutan syariah Islam sama ada diperingkat pemerolehan, penggunaan dan pengurusan sumber untuk kebaikan diri, masyarakat dan negara. Terdapat landasan yang harus diikuti sama ada penegahan dalam bentuk ekonomi yang dilarang seperti riba', eksplorasi dan lain-lain. Di dalam Islam terdapat institusi yang menguruskan pentadbiran harta negara iaitu Baitul Mal.

Pengurusan untuk kemasukan (*income*) dan pengeluaran di bawah tanggungjawab Baitul Mal.

Baitul Mal dalam kontak pengurusan harta akan berdepan dengan harta masyarakat yang terdiri daripada zakat fitrah, harta, sedekah dan wakaf. Harta negara iaitu harta rampasan perang, cukai dan harta karun. Dan harta umum pula ialah perlombongan, perusahaan, perniagaan, pertanian dan lain-lainnya.

Tema seterusnya ialah pendidikan. Kemajuan sesebuah negara dan bangsanya tertakluk kepada optimalisasi kepada sistem pendidikan yang sempurna. Terdapat lima istilah yang mempunyai hubungan yang erat dalam pendidikan iaitu *tarbiyyah*, *ta'lim*, *ta'dib*, *irsyad* dan *tadris*. *Tarbiyyah* ialah suatu proses membentuk keperibadian manusia dari satu tahap ke tahap yang lebih mencapai tahap kesempurnaan seseorang. *Ta'lim* bermaksud proses pengajaran atau pemindahan ilmu kepada manusia untuk merealisasikan fungsi, tugas dan statusnya sebagai khalifah Allah di muka bumi. *Ta'dib* pula bermaksud proses mendidik manusia agar mampu memperkembangkan segala potensi ke arah pembentukan tatasusila perlakuan atau adab sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. *Irsyad* bermaksud petunjuk yang benar-benar ke arah jalan yang lurus bagi kehidupan di dunia seperti yang digariskan oleh Al Quran dan Sunnah. Istilah *tadris* memberikan pengertian pengajaran yang dilakukan oleh

seseorang kepada penuntut tentang satu-satu pelajaran. Ia memberikan penekanan ciri-ciri pembelajaran, guru, pelajar dan pelajaran.

Tujuan akhir daripada pendidikan Islam ialah perwujudan diri (sempurna kendiri) iaitu berusaha meningkatkan jiwa atau roh supaya ke alam malaikat agar ia dapat berhubungan dengan *al Khaliq*.

Hasil dari pendidikan lahirlah daya intelektual yang menjadikan dasar kepada pencetus lahirnya tamadun manusia. Para intelektual mampu mengeksplorasikan segala macam bentuk yang berhubungan dengan ilmu manusia, ilmu tentang alam dan ilmu tentang ketuhanan. Sebagaimana al Quran memberikan gambaran manusia dan jin mampu untuk menembusi langit bumi jika dibekali dengan ilmu pengetahuan.

Intelektual merupakan tema selanjutnya yang membahas tentang ilmu sebagai asas intelektual dan kajian tentang tokoh intelektual Muslim. Beberapa definisi tentang ilmu yang telah dilontarkan oleh beberapa cendekiawan Muslim yang banyak membuat hubungan dengan Nur Tuhan yang memancar dibiasakan dalam bentuk ilmu dan harus dilalui dengan pengalaman peribadi (*dha'uq*). Ada juga yang menghubungkan ilmu dengan ilmu tasawuf yang mana untuk mencapai tahapan harus dilakukan riadah rohani untuk mencapai peringkat kasyaf yang tiada batasan baik masa dan tempat.

Kajian ilmu akan membahas tentang sumber, kategori, hukum, kaedah ilmu. Kemudiannya dilanjuti dengan kajian tentang beberapa tokoh intelektual Muslim yang menjadi momentum awal kepada Tamadun Islam. Seterusnya pembahasan tentang pertembungan Tamadun Islam dengan Tamadun Barat.

Penerokaan dan penjelajahan adalah tema yang selanjutnya. Terdapat beberapa aspek yang mencetuskan terjadinya proses penerokaan dan penjelajahan ini. Antaranya ialah untuk Islamisasi, tujuan pencarian dan penyebaran ilmu, aspek ekspansi dan ekonomi. Dalam konteks Tamadun Islam, aspek ilmu merupakan kostribusi utama untuk tujuan penerokaan dan penjelajahan tersebut. Seperti pelayaran Ibn Batutah dalam pelayaran mengelilingi beberapa benua sehingga ke Alam Melayu.

Tema yang terakhir pula ialah tentang kebudayaan dan kesenian. Kebudayaan merupakan hasil daya pemikiran manusia yang mencetuskan idea dan terbentuk dalam bentuk fizikal atau zahir. Islam telah mengariskan beberapa konsep tentang kebudayaan. Antaranya ialah ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam, tidak melalaikan manusia, memelihara hubungan baik antara manusia dengan manusia dan manusia dengan Tuhan dan hal yang terpenting mengakui akan kebesaran Tuhan.

Kesenian merupakan sebahagian daripada kebudayaan. Kesenian merupakan ungkapan rasa halus dan suci manusia dan dimanifestasikan dalam bentuk buah pemikiran manusia dan kemudian menjelma dalam bentuk ungkapan, muzik dan sebagainya. Kesenian merupakan hasil kebudayaan yang masih kekal dalam bentuk zahir seperti kesenian seni bina Islam yang kekal di masjid kuno dan istana. Kesenian Islam bertambah unik ketika ada akulturasi budaya dengan kesenian asing daripada wilayah lain.